

## Lima keracunan minum produk tiruan

**Georgetown:** Muntah, mual dan sakit perut. Itu simptom dialami lima wanita selepas minum produk minuman kesihatan yang disyaki tiruan.

Semua wanita itu membeli produk berkenaan di dua premis sekitar Bukit Jambul di sini, Ahad lalu.

Akibat tidak berpuas hati, semua wanita terbabit meninggalkan komen di Facebook (FB) syarikat pengeluar minuman kesihatan berkenaan.

Hasil siasatan lanjut mendapati pemilik syarikat mengesyaki semua mangsa membeli produk tiruan dan membuat laporan kepada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-

NHEP) Pulau Pinang.

Bertindak daripada maklumat itu, sepasukan sembilan anggota KPDNHEP negeri bersama wakil pemilik cap dagang melakukan operasi jam 2 petang, kelmarin.

Ketua Penguat Kuasa KPDNHEP Pulau Pinang, Chin Ching Chung berkata, dalam serbuan itu pihaknya merampas dan menyita 57 botol minuman kesihatan disyaki tiruan bernilai RM1,596.

"Kita dapat i a dijual dengan harga RM18 sebotol berbanding yang asli bernilai RM32.

"Pemilik premis didapati sudah seta-

hun menjalankan perniagaan di situ dan ketika ditanya pemilik mendakwa mereka tidak tahu sama ada produk yang dijual itu palsu atau sebaliknya," katanya.

Chin berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan menghantar sampel kepada Jabatan Kimia bagi mengetahui kandungan di dalam produk terbabit.

"Siasatan lanjut akan dijalankan mengikut Seksyen 8(2)(b) Akta Perihal Dagangan 2011 kerana membeli barang-barang yang baginya suatu per-

ihal dagangan palsu digunakan," katanya.

Beliau berkata, pengguna dinasihatkan berhati-hati sekiranya ada ejen atau pemborong yang menawarkan produk pada harga terlalu murah kerana kebiasaannya produk tiruan kelihatan hampir sama dengan asli.

"Bagi produk tiruan yang dirampas ini, kita dapatkan ada beberapa perbezaan yang amat ketara antara produk asli seperti bau, kepekatan minuman dan warna bungkus yang sedikit pudar.

"Selain itu, pengguna juga boleh mengenal pasti sama ada produk itu asli atau tiruan dengan menggunakan kaedah scan QR Code," katanya.

**Produk tiruan  
dijual dengan harga  
RM18 sebotol  
berbanding asli RM32**



CHIN (kanan) menunjukkan produk minuman kesihatan tiruan semasa sidang media di Bangunan Tuanku Syed Putra, Lebuhraya Downing, Georgetown.